



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah



**KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

| NO. TENDER | TAJUK KERJA | KOD BIDANG | TARIKH PENJUALAN DOKUMEN | HARGA SENASKHAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP TENDER |
|------------|---|------------|------------------------------------|-------------------------|--|
| 0020/2026 | CADANGAN PENGGANTIAN KOMPUTER RIBA DAN TABLET DI PEJABAT PENTADBIRAN MARA | 210101 | 03/04/2026 Hingga 24/04/2026 | RM5.00 | 24/04/2026 (Jumaat) (Sebelum 12.00 tengah hari) |

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui dalam talian (online). Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, hanya Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan **SPEED** dan diluluskan untuk menyertai **Pasaran MARA** serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan **DIBENARKAN** untuk membuat pembelian Dokumen Tender dengan nilai seperti yang tercatat di atas.
3. Pembelian adalah secara dalam talian (online) sahaja. Pautan pembelian Dokumen Tender boleh didapati pada iklan di **SPEED**. **Tempoh akhir pembelian Dokumen Tender atas talian ialah pada TARIKH TUTUP TENDER jam 9.00 pagi**. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan pembelian Dokumen Tender boleh menghubungi pusat perkhidmatan pelanggan **SPEED** di talian **03-78854111/79855287** atau emel kepada helpdesk@speed2u.my atau Kaunter Tender MARA pada waktu pejabat di talian **03-26134465/34482/34479/34480**.
4. Pembekal perlu memastikan sijil-sijil berikut masih sah tempoh sebelum membuat pembelian Dokumen Tender:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
 - SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC-TAX COMPLIANCE CERTIFICATE) BERSTATUS PATUH**
5. MARA tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan pembekal sekiranya pembekal tidak berjaya memuat naik Dokumen Tender disebabkan kegagalan pembekal berdaftar dengan **SPEED** serta diluluskan menyertai **Pasaran MARA** atau lain-lain maklumat yang tidak dikemaskini oleh pembekal. MARA tidak akan mengembackkan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
6. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen Tender melalui laman web www.speed2u.my mulai **03/04/2026** hingga **TARIKH TUTUP TENDER**.
7. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.4% atau 0.7%** bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invoice mengikut terma dan syarat pembekalan. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
8. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen Tender (hard copy) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**

Sebelum atau pada tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

10. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) Tender yang lengkap secara dalam talian (*online*). Dokumen Tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
11. Sebarang urusan Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.